

Ingatlah ini: Yesus Kristus, yang telah bangkit dari antara orang mati, yang telah dilahirkan sebagai keturunan Daud, itulah yang kuberitakan dalam Injilku. Kerana pemberitaan Injil inilah aku menderita, malah dibelenggu seperti seorang penjahat, tetapi firman Tuhan tidak terbelenggu.

Kerana itu, aku sabar menanggung semuanya itu bagi orang-orang pilihan Tuhan, supaya mereka juga mendapat keselamatan dalam Kristus Yesus dengan kemuliaan yang kekal.  
2 Timotius 2: 8-10

Oktober 12, 2025

www.heraldmalaysia.com



Pada katekis Keuskupan Agung Kota Kinabalu menghadiri Jubli Katekis di Katedral Hati Kudus, Ogos 30, 2025.

**TAKHTA SUCI:** Ketika para katekis mengajar, tujuan mereka bukan sekadar menyampaikan informasi tentang iman, tetapi “menempatkan sabda kehidupan di dalam hati, agar menghasilkan buah-buah kehidupan yang baik,” kata Sri Paus Leo XIV kepada lebih 20,000 orang katekis yang berada di Roma sempena Jubli Katekis pada September 26 hingga 28 lalu.

“Injil mewartakan kepada kita bahwa hidup setiap orang dapat berubah kerana Kristus bangkit dari kematian. Peristiwa ini adalah kebenaran yang menyelamatkan kita; oleh kerana itu, harus diketahui dan diwartakan,” kata Sri Paus kepada para katekis yang datang dari 115 negara.

Namun, mewartakan Khabar Baik sahaja tidak cukup, kata Sri Paus dalam homilinya pada Misa pada September 28 di Dataran Sto Petrus. “Injil harus dicintai. Kasihlah yang menuntun kita untuk memahami Injil.”

Dalam Misa tersebut, Sri Paus Leo secara rasmi melantik 39 perempuan dan lelaki dari 16 negara ke dalam pelayanan katekis, termasuk David Spesia, direktur eksekutif Sekretariat Evangelisasi dan Katekesis Konferensi para Uskup Amerika Syarikat, dan Marilyn Santos, direktur asosiasi sekretariat.

Sebelum Sri Paus menyampaikan homilinya, seorang diakon membaca nama satu persatu 39 orang tersebut, yang menjawab dalam Bahasa Itali, “*Eccomi*,” yang bererti “hadir.”

Setelah homili, Sri Paus memberikan sebuah salib kepada masing-masing dari mereka. “Hendaklah pelayanmu senang-

tiasa berlandaskan pada kehidupan doa yang mendalam, hendaklah dibangun dalam ajaran yang sihat” dan dijiwai oleh semangat kerasulan yang tulus,” kata Sri Paus kepada mereka.

“Sebagai pengurus misi yang dipercayakan kepada Gereja oleh Kristus, anda harus selalu siap sedia memberi pertanggungan jawab kepada siapa pun yang meminta pertanggungan jawab darimu tentang pengharapan yang ada padamu.”

Bacaan Injil dalam Misa adalah perumpamaan tentang orang kaya dan Lazarus dari Lukas 16:19-31.

Dalam perumpamaan itu, Sri Paus berkata, Lazarus diabaikan oleh orang kaya itu “namun Tuhan dekat dengannya dan mengingat namanya.”

Namun, orang kaya itu tidak memiliki nama dalam perumpamaan itu, “kerana dia telah kehilangan dirinya sendiri dengan melupakan sesamanya,” kata Paus.

“Dia tersesat dalam fikiran-fikiran hatinya: penuh dengan harta benda dan hampa akan kasih. Harta bendanya tidak menjadikannya orang baik. Kisah yang Kristus sampaikan kepada kita, sangat relevan saat ini,” kata Sri Paus. “Di ambang kemewahan masa kini berdiri kesengsaraan seluruh bangsa, yang dirusak oleh perang dan eksploitasi.”

“Selama berabad-abad, tampaknya tidak ada yang berubah: betapa banyak Lazarus mati di hadapan keserakahan yang melupakan keadilan, di hadapan keuntungan yang menginjak-injak kasih, dan di hadapan kekayaan yang buta terhadap penderitaan orang miskin,” katanya.

Dalam perumpamaan itu, orang kaya itu mati dan dibuang ke dunia orang mati. Dia meminta Abraham untuk mengirimkan se-

orang utusan kepada saudara-saudaranya guna memperingatkan dan mengajak mereka bertaubat.

Kisah Injil dan sabda Kitab Suci yang harus dibagikan oleh para katekis tidak bertujuan “mengecewakan atau mengencilkan hati” orang, melainkan untuk membangkitkan hati nurani mereka, kata Sri Paus.

Memetik kata-kata pendahulunya, mendiang Sri Paus Fransiskus, Bapa Suci Leo XIV mengatakan inti katekesis ialah pewartaan tentang “Tuhan Yesus telah bangkit, Tuhan Yesus mengasihi anda, dan Dia telah menyerahkan nyawa-Nya untuk kita; Dia bangkit dan Dia hidup, Dia hidup di tengah-tengah kita dan Dia menantikan kita setiap hari.”

Kasih Tuhan, katanya, “mengubah kita dengan membuka hati kita terhadap sabda Tuhan dan terhadap wajah sesama kita.”

Bapa Suci berterima kasih kepada semua orang yang telah menjadi saksi iman, harapan, dan kasih bagi sesama, yang bekerja sama dalam “karya pastoral Gereja dengan mendengarkan pertanyaan, berbahagi dalam perjuangan, dan melayani kerinduan akan keadilan dan kebenaran yang bersemayam dalam hati nurani manusia.”

Mengajar iman adalah usaha komuniti dan Katekismus Gereja Katolik ialah ‘buku panduan perjalanan’ yang melindungi kita dari individualisme dan perselisihan, kerana buku ini menjadi bukti iman seluruh Gereja Katolik.”

Sehari sebelum itu, Bapa Suci Leo XIV juga mengadakan Audiens Jubli khas di Dataran Sto Peter pada hari Sabtu, September 27.

Dalam katekismusnya, Sri Paus merenung panjang lebar tentang *sensus fidei*, yang menurutnya adalah seperti “deria keenam orang biasa untuk perkara-perkara Tuhan.”

“Tuhan itu sangat mudah didekati dan

mendedahkan diri-Nya kepada orang yang terbuka hati menerima-Nya,” katanya.

Sri Paus Leo kemudian menyebut seorang kudus iaitu Santo Ambrose abad ke-4, yang berkhidmat sebagai gabenor bandar Milan semasa zaman konflik besar dalam Gereja.

Sebagai pihak berkuasa awam, beliau campur tangan pada saat kritikal dalam pemilihan Uskup Milan yang baharu, menggunakan keupayaan besarnya untuk mendengar dan menjadi orang tengah bagi membawa ketenangan dalam kalangan umat beriman.

Tradisi menceritakan bahawa seorang kanak-kanak menjerit “Ambrose ... Bapa uskup!” dan seluruh rakyat menyertai dia dalam sorakan.

“Ambrose tidak dibaptis; dia hanya seorang katekumen, iaitu, sedang bersedia untuk Pembaptisan,” katanya. Namun, rakyat merasakan sesuatu yang mendalam dalam diri lelaki ini dan memilihnya. Oleh itu, Gereja mempunyai salah seorang uskupnya yang terhebat, dan seorang Doktor Gereja.”

Ambrose, pada mulanya enggan dan malah melarikan diri dari bandar, sebelum memahami bahawa ini adalah panggilan dari Tuhan, lalu membenarkan dirinya dibaptis dan ditahbiskan sebagai uskup. Sri Paus Leo mengagumi hadiah besar yang diberikan oleh “si kecil” untuk Gereja.

“Malah pada hari ini, semoga semua orang Kristian sambil menghayati panggilan yang telah kita terima!” katanya.

Sebagai ibu bapa, usahawan, pekerja, guru, paderi, atau ahli agama, setiap orang dipanggil untuk menjadi Kristian melalui jalan yang mereka pilih, kata Sri Paus, sambil menambah bahawa orang ramai boleh “merasakan” sama ada kita benar-benar menjadi Kristian atau tidak. **Media Vatikan**

# Tradisi doa-doa devosi menambah nutrisi iman kita

Saya dibesarkan dalam keluarga Roman Katolik, devosi keagamaan sentiasa menjadi sebahagian penting dalam rutin hidup kami.

Walaupun keluarga kami menganggap Ekaristi lebih penting daripada ibadat, kami sangat memupuk kehidupan rohani kami melalui ibadat, seperti yang dilakukan oleh ramai Roman Katolik pada masa itu.

Antara lain, kami berdoa rosari dan Angelus setiap hari, berdoa litani khas (Sto Yosef pada bulan Mac, Maria pada bulan Mei dan Oktober, dan Hati Kudus Yesus pada bulan Jun), berdoa Jalan Salib setiap hari Jumaat pada musim Pra-Paskah, serta rajin menghadiri Ekaristi pada Jumaat dan Sabtu pertama untuk mendapatkan janji-janji khas daripada Tuhan, dan mengucapkan doa-doa khas untuk mendapatkan indulgensi.

Selain itu, berziarah ke pusat ziarah Maria bagi mereka yang mampu, dan hampir semua orang memakai medal dari Lourdes atau Fatima serta mempunyai devosi khas kepada tempat-tempat suci (dengan devosi khas dalam keluarga dan paroki saya sendiri kepada *Our Lady of the Cape*, di Cap De Madeleine, Quebec). Ibadat adalah sebahagian besar daripada kehidupan rohani kami.

Apakah yang boleh dikatakan tentang devosi dari sudut pandangan teologi dan dari sudut pandangan budaya yang kebanyakannya tidak mempercayai devosi?

Kita mungkin boleh bermula dengan reaksi Martin Luther dan pembaharu Protestan yang hebat. Mereka takut akan dua perkara dalam ibadat.

Pertama, pada masa itu, sesetengah amalan keagamaan terlalu tidak terkawal dan berciri teologi yang buruk (terkenal, menjual indulgensi).

Kedua, mereka melihat ibadat, bukan sebagai sesuatu yang semestinya buruk pada dirinya sendiri, tetapi sebagai sesuatu yang



sering menggantikan Yesus dan firman Tuhan sebagai pusat dan tumpuan utama kita.

Jadi, mereka menjauhkan diri daripada hampir semua amalan Roman Katolik sama ada yang terkawal dan yang sihat.

Kebanyakan ketidakpercayaan Protestan dan Evangelikal terhadap amalan Roman Katolik telah berterusan sehingga ke hari ini.

Walaupun ketidakpercayaan itu semakin berkurangan, hari ini di sesetengah Gereja bukan Roma, ia masih menjadi amalan yang berleluasa dalam kebanyakan kalangan Protestan dan Evangelikal.

Ringkasnya, mereka tidak mempercayai kebanyakan amalan keagamaan kerana ia dilihat bukan sahaja akan mengalihkan tumpuan kita daripada Yesus dan firman, tetapi juga berpotensi menjadi pencemar tidak sihat, seperti makanan segera dalam diet rohani kita.

Apakah yang boleh dikatakan tentang ini? Ini ialah peringatan yang adil dan diperlukan bagi penganut Roman Katolik (dan orang lain) yang memperkayakan kehidupan rohani mereka dengan amalan-amalan devosi.

Kesimpulannya, ibadat ringkas berdasarkan teologi yang goyah, boleh menjadi makanan segera yang mencemari diet rohani kita.

Lebih-lebih lagi apabila devosi itu meng-

gantikan kitab suci, Yesus digantikan dengan Maria dan doa ritual tertentu menjadikan Tuhan kelihatan seperti boneka yang dikawal oleh tali.

Walau bagaimanapun, seperti yang pernah dikatakan oleh Goethe, diakui bahawa rasa 'selamat' merupakan salah satu daripada bahaya devosi tersebut.

Ya, ibadat boleh menjadi bahaya, tetapi ia juga boleh menjadi tambahan yang memperkaya serta menyihatkan dalam menghayati firman serta Ekaristi.

Berikut ialah cara Eric Mascall (ahli teologi Anglikan terkenal di Oxford bersama C.S. Lewis, J.R.R. Tolkien, Dorothy Sayers, dan Austin Ferrar) menjelaskan bahaya devosi keagamaan yang melampau.

*Para pembaharu Protestan (Luther, Calvin, Zwingli) begitu takut tercemar oleh devosi Roman Katolik yang boleh diibaratkan sebagai "diet antiseptik". Apabila anda menjalani diet antiseptik, anda tidak akan mengalami keracunan makanan, tetapi anda boleh mengalami kekurangan nutrisi.*

Itulah cabaran bagi mereka yang mengamalkan devosi dan bagi mereka yang menggelakkannya.

Teologi yang mendasari devosi-devosi itu boleh jadi cuai atau keterlaluan (contohnya, menganggap Maria sebagai penebus bersa-

ma dengan Yesus).

Walau bagaimanapun, kebanyakan devosi (kepada Maria, kepada para kudus, penyembahan Ekaristi, Hati Kudus) terdapat khasiat yang dapat membantu menyuburkan penghayatan kita terhadap firman Tuhan dan Ekaristi.

Mendiang Wendy Wright dalam bukunya *Sacred Heart: Gateway to God*, merupakan sebuah buku pembelaan (apologetika) yang indah mengenai devosi kebaktian Katolik, terutamanya devosi kepada Hati Kudus Yesus.

Baginya, devosi Katolik ialah *tradisi hati* (doa-doa permohonan). Walaupun Yesus kekal sebagai pusat dan kebangkitan-Nya sebagai sauh bagi iman kita, amalan devosi boleh memberikan kita sesuatu yang lebih.

Misalnya devosi kepada Hati Kudus Yesus, dia menulis: "Dalam devosi ini, Yesus wujud dalam beberapa cara yang penting di luar kronologi masa sejarah."

Menurutnya, "Tradisi hati merupakan devosi-devosi yang pelik tetapi berkesan, menjadikan koresponden Ilahi-manusia semakin intim."

Tradisi hati bermula dengan permohonan dalam hati. Hati kita yang berdaging ini sesuai untuk segala yang di luar daging dan menyesuaikan diri dengan hati Yesus. Hati Ilahi-manusia itu adalah laluan antara bumi dan langit.

Hati ialah kesan sentuhan cinta Ilahi pada alam yang dicipta. Hati itu adalah kerinduan terluas, paling liar dan dari situ mengalir cinta manusia. *Memang wujud pelbagai bahaya dalam kehidupan dan salah satu daripada bahaya itu ialah rasa 'selamat' atau 'selesa'.*

Devosi boleh mengalihkan kita daripada perkara yang lebih penting dan boleh berakar umbi dalam teologi yang meragukan, tetapi ia juga boleh, seperti kata-kata Wendy Wright, menjadi laluan yang diberkati bagi hati antara bumi dan syurga. **Hakcipta Terpelihara 1999-2025 @ Fr Ron Rolheiser**

## HARI MINGGU BIASA KE 28 (C)

2 RAJA 5:14-17

2 TIMOTIUS 2:8-13

INJIL LUKAS 17:11-19

Sepuluh orang pesakit kusta yang merayu agar Yesus menyembuhkan mereka namun hanya ada seorang, iaitu orang Samaria, yang kembali dan berterima kasih kepada Yesus.

Kisah Injil pada hari Minggu ini mengandungi dua perkara: Pertama, orang-orang yang sakit mohon penyembuhan, dan Yesus menjawab serta menyembuhkan mereka;

Kedua, Yesus turut menyembuhkan orang Samaria, "orang asing" yang kembali kepada Yesus, memuji dan berterima kasih kepada Tuhan!

Di sini, agak mengejutkan mendengar kata-kata yang diucapkan Yesus kepada orang Samaria itu: "Imanmu telah menyelamatkan engkau".

Apakah penyembuhan orang Samaria itu jauh lebih penting berbanding sembilan orang Yahudi yang lain? Inilah pesan utama yang ingin disampaikan oleh Lukas:

1. Penyelamatan melalui iman. Bagi orang Yahudi, orang Samaria adalah orang asing. Tetapi dia tetap menerima keselama-

tan atau penyembuhan kerana imannya. Biarpun dia terkena penyakit kusta, disingkirkan daripada masyarakat tetapi ternyata orang inilah yang menerima berkat sepenuhnya daripada karya pelayanan Yesus!

Dalam Kisah Rasul, Lukas sering kali menunjukkan Yesus yang mengasihi orang-orang asing, orang-orang tersingkir, mereka yang sakit dan pendosa!

Lukas menunjukkan "kebutaan orang Israel/Yahudi" dan "keterbukaan orang-orang bukan Yahudi".

Penyelamatan Yesus adalah universal, penyelamatan-Nya bagi semua orang, juga terhadap orang-orang Samaria, yang tidak diterima oleh orang Yahudi sebagai bangsa terpilih Tuhan.

Hanya orang Samaria ini sahaja yang tahu berterima kasih kepada Yesus. Sedangkan orang-orang pertama, iaitu orang-orang Yahudi, yang menerima sabda Tuhan juga tidak mahu menerima Yesus.

Malah pemimpin-pemimpin agama dan pemerintahan bangsa Yesus sendiri tidak mahu menerima serta menolak-Nya. Kerahiman Tuhan sangat sukarela dan ramah tamah, dilimpahkan kepada semua orang, sama ada yang tahu mahupun tidak tahu berterima kasih!

Sembilan (9) orang daripada penderita kusta yang disembuhkan tidak kembali

kepada Yesus sesudah disembuhkan. Tetapi mereka tetap disembuhkan kerana belas kasihan Tuhan tetap luhur dan agung, walaupun dibalas dengan sikap tidak tahu bersyukur kepada-Nya!

2. Berterima kasih yang ikhlas bukanlah sekadar mengucapkannya. Ia harus diucapkan daripada sahutan hati seseorang, yang peka menerima apa yang terjadi di dunia hidupnya.

Tahu berterima kasih bererti memiliki hubungan erat dan peka dengan apa yang dilihat dan apa yang dirasakannya dalam hati. Orang yang tahu berterima kasih akan berani menerima dan melihat pengalaman hidupnya, sama ada yang menyenangkan mahupun yang tidak menyenangkan, sebagai anugerah Tuhan.

Tahu berterima kasih kepada Tuhan dapat mengubah diri dan pandangan kita terhadap segala sesuatu. Rasa terima kasih asli ini harus merupakan ciri autentik orang Kristian sebab rasa terima kasih, seperti dimiliki Yesus sendiri, mendorong-Nya untuk berhadapan apa sahaja dalam hidup-Nya. Berterima kasih ialah suatu keutamaan yang sungguh berharga dan kita perlukan.

Keutamaan rasa terima kasih ini menolong dan mendorong kita untuk menyedari, bahawa segala yang baik berasal dan meru-



pakan anugerah Tuhan! Tahu berterima kasih merupakan sikap murni orang Kristian sejati (misalnya: berterima kasih kepada pembantu rumah atau pembersih kebun!). Malah, sikap berterima kasih kepada Tuhan bukan sahaja terhadap pengalaman hidup yang baik dan menyenangkan, tetapi juga yang berat dan penuh percubaan, itulah rasa terima kasih Kristian sejati. Tanpa mencari kesulitan atau kesudahan, namun menerimanya sebagai anugerah Tuhan – itulah cara luhur dan nyata untuk dapat mengikuti Yesus secara benar! Itulah penyelamatan sejati! Amin. **Msgr F.X Hadisumarta O.Carm**



# Para Sister Canossa rai 120 tahun misi di Malaysia

MELAKA: Para Sister Canossa (*Canossian*) meraikan ulang tahun ke-120 mereka di Konven Hati Kudus pada September 19 dengan perayaan Ekaristi.

Perayaan Ekaristi dipimpin oleh Uskup Bernard Paul, disertai oleh Fr Devadasan Madala Muthu dan Fr Neville Arul Sinnappah.

Dalam khutbahnya, Uskup Bernard mengingatkan para religius Canossa bahawa majlis itu "bukan sekadar memperingati masa lalu, tetapi meraikan kehidupan yang dicurahkan oleh para religius Canossa yang berkarya dengan cinta, iman yang berani, dan amal yang benar-benar telah menyentuh hati ramai orang di dunia."

Mengambil petikan daripada Matus 25:40, uskup itu menekankan para religius Canossa secara konsisten melihat Kristus dalam orang miskin, orang sakit, orang

terbuang, dan orang muda. "Apa sahaja yang kamu lakukan untuk salah seorang saudara-saudari-Ku yang paling kecil, kamu lakukan untuk Aku," katanya, menekankan tema utama misi Canossa.

Prelatus itu juga mengulangi kata-kata Sta Magdalene dari Canossa: "Amal adalah api yang sentiasa merebak," sambil menyatakan bagaimana api itu telah 'membakar' atau membantu ribuan orang melalui pendidikan, biara, rumah untuk warga tua, dan pelayan pastoral.

Lebih seabad, para religius Canossa telah menghangatkan hati, menyembuhkan luka, dan menerangi jalan bagi jiwa yang tidak terkira banyaknya.

"Cahaya anda sebagai religius Canossa bersinar begitu terang," kata Uskup Bernard yang mengulangi kata-kata Yesus dari Khutbah

di Bukit: "Biarlah cahaya kamu bersinar di hadapan orang lain, supaya mereka dapat melihat perbuatan baik kamu dan memuliakan Bapa-mu di syurga."

Uskup Bernard menggalakkan para religius Canossa untuk memperbaharui panggilan mereka, tidak lelah dalam menyebarkan semangat amal, dan sentiasa aktif memberi inspirasi kepada semua untuk berkhidmat dengan kerendahan hati, kasih tanpa batas, dan hati yang bersemangat untuk Kristus.

Tahun 1905 merupakan tahun istimewa dalam sejarah para religius Canossa.

Mereka mula berkhidmat di mision Portugis di Melaka kemudian mengembara dari Singapura ke Macau, setelah dijemput oleh Uskup Macau untuk melayani umat di situ.

Mereka juga telah menubuhkan

ayasan pertama mereka di Biara Hati Kudus di Jalan Parameswara, Bandar Hilir, Melaka dan pada tahun 1950, mereka mengembangkan lagi misi mereka dengan menubuhkan Biara Canossa di Penempatan Portugis.

Bermula dengan pelayan yang sederhana, misi para Sister Canossa berkembang pesat selama lebih 120 tahun, mengendalikan enam sekolah, empat tadika, dua pusat pembelajaran, pelayan pastoral di paroki dan keuskupan, penjagaan warga emas, dan bekerjasama dengan para *brothers* Gabrielite di Montfort.

Sehingga ke hari ini, para Sister Canossa meneruskan misi mereka di seluruh Malaysia, berkhidmat di Keuskupan Melaka Johor dan Keuskupan Agung Kuala Lumpur, dengan biara di Melaka, Kluang, Segamat, Jinjang, dan Sungai Siput.

## SHBDR teguhkan kembali tiang iman Kristian



PAPAR: Pelbagai konflik kehidupan serta perjuangan manusia tidak luput daripada dosa. Segala bentuk perasaan sedih, kesepian, hampa, kepehitan, kemarahan, kesunyian, sering hinggap di hati manusia. Seminar Hidup Baharu Dalam Roh (SHBDR) yang dianjurkan oleh Majlis Pastoral Paroki *Holy Rosary* Limbahau baru-baru ini menghadirkan kebenaran-kebenaran berdasarkan Injil bahawa Tuhan itu ialah KASIH, Dia lebih dahulu mencintai kita dan umat diundang untuk hidup dan bergantung kepada Tuhan.

Salah seorang penyampai sesi dalam SHBDR, Gilbert Odoi mengatakan kepada lebih 200 peserta yang hadir bahawa Tuhan sangat dekat dengan ciptaan-Nya.

"Kita sebagai umat-Nya, hanya diminta untuk lebih peka terhadap tanda-tanda kasih Tuhan, melalui pengalaman-pengalaman hidup. Namun ungkapan cinta Tuhan yang paling unggul ialah Dia mengutus Sang Putera-Nya untuk menjadi korban tebusan bagi dosa-dosa kita," ujar Gilbert.

Memetik tema SHBDR, "Harapan tidak akan mengecewakan kamu" (Roma 5:5), Priscilla Henry, salah seorang ahli Exco Charis Malaysia dalam sesinya mengatakan "Roh Kudus hanya akan tercurah jika kita mahu menerima. Kita bersedia menjadi manusia baharu di dalam Kristus, melalui Roh Kudus," katanya.

Beliau mengajak para peserta untuk menjadi peribadi yang lebih peka terhadap kehendak Tuhan dalam hidup umat beriman. Tetapi hal ini tidak mampu dijalani sendiri. Kemampuan memahami kehendak Tuhan hanya diperoleh dengan bantuan Roh Kudus. Seperti para rasul dalam peristiwa Pentakosta yang setelah menerima pencerahan Roh Kudus menjadi lebih berani untuk bersaksi atas nama Yesus.

SHBDR diakhiri dengan Misa Kudus yang dipimpin oleh Msgr Nicholas Stephen. Msgr Nicholas berharap selepas SHBDR para peserta mampu berdamai dengan segala pengalaman sakit masa lalu dan diperbaharui dalam Roh Kudus.

Paderi itu juga mengajak para peserta untuk terus menghidupi pilar iman Hidup Kristian iaitu berdoa, membaca Kitab Suci, bersaksi, melayani dan hidup dalam komuniti.

## Aktiviti interaktif, kaedah menarik pemantapan iman di OLL



KLANG: Baru-baru ini, Gereja *Our Lady of Lourdes* telah menganjurkan pelbagai aktiviti yang bermanfaat untuk para pelajar katekismus.

Antaranya ialah Pertandingan Nyanyian Lagu Kristian yang melibatkan kanak-kanak berumur empat hingga sembilan tahun. Semangat dan keyakinan mereka mengingatkan umat bahawa iman boleh diungkapkan dengan indah melalui muzik.

Minggu berikutnya, pelajar katekismus Darjah Empat hingga Enam telah menyertai Kuiz Alkitab Bertulis.

Aktiviti ini menguji pengetahuan mereka tentang Kitab Suci serta mendorong mereka untuk mendalami pemahaman tentang Firman Tuhan.

Bagi pelajar Tingkatan Empat, mereka telah menyertai Perbu-

ruan Harta Karun (*Scavenger Hunt*) yang menyeronokkan.

Aktiviti ini menuntut mereka bekerjasama dalam pasukan untuk menyelesaikan petunjuk dan cabaran. Ia bukan sahaja menjadikan pembelajaran Alkitab lebih interaktif, malah mengeratkan hubungan persahabatan.

Kuiz Alkitab Lisan bagi pelajar Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga melihat para peserta yang menjawab soalan dengan penuh keyakinan, mempamerkan bukan sahaja daya ingatan mereka tetapi juga penguasaan terhadap ajaran iman Katolik.

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan itu telah mengingatkan para pelajar dan umat bahawa mempelajari tentang Tuhan boleh menjadi suatu pengalaman yang penuh sukacita dan bermakna.

## Para penjaga bumi bawa anak-anak membersihkan kawasan pantai

KOTA KINABALU: Sejak menandatangani Ikrar menjadi paroki ekologi pada Mac 18 lalu, Katedral Hati Kudus aktif dalam program-program memulihkan dan menjaga alam ciptaan.

Salah satu aktiviti ekologi yang baharu dijalankan ialah membersihkan kawasan pantai Tanjung Lipat, Likas yang disertai hampir 100 orang.

Kegiatan itu dianjurkan oleh Komiti Keadilan Ciptaan untuk Musim Penciptaan.

Sebelum sesi membersihkan, para umat terlebih dahulu berdoa dan diberi taklimat untuk menjaga keselamatan.

Ramai ibu bapa yang membawa anak-anak mereka, sekaligus memupuk sikap anak-anak sebagai penjaga bumi.



# Sahabat kecil Yesus

Tempat kosong pada gambar di bawah mempunyai simbol-simbol tertentu. Rujuk pada makna simbol tersebut dan tuliskan jawapan yang betul.



"Bukankah ..... orang tadi semuanya telah disembuhkan?"



Di manakah yang ..... orang itu? Tidak adakah di antara mereka yang kembali untuk memuliakan Tuhan selain dari pada orang asing ini?

Lalu Dia berkata kepada orang itu:



"Berdirilah dan pergilah, ..... telah ..... engkau."



=sembilan




= iman mu



= kesepuluh



=menyelamatkan



Seorang dari sepuluh pesakit kusta itu kembali, memuliakan Tuhan dengan suara nyaring lalu tersungkur di depan kaki Yesus dan mengucap syukur kepada-Nya. (Lukas 17:15-16)

Hanya ada seorang pesakit kusta yang kembali untuk berterima kasih kepada Yesus. Cari orang itu dan warnakan jalan yang menuju kepada Yesus.

Salam damai anak-anak,

Dalam bacaan Injil hari Minggu ini, Yesus telah menyembuhkan sepuluh orang pesakit kusta. Kusta ialah penyakit yang mengerikan yang memakan tubuh seseorang sehingga mereka mati.

Suatu peristiwa menakjubkan terjadi iaitu Yesus meminta 10 orang kusta itu untuk menunjukkan diri kepada para imam dan mereka telah sembuh!

Tetapi kemudian sesuatu yang menarik telah berlaku.

Hanya seorang daripada sepuluh orang yang telah sembuh, kembali untuk mengucapkan 'Terima kasih' kepada Yesus.

Adakah sembilan yang lain tidak gembira atau cepat-cepat mahu pulang ke rumah untuk berjumpa

keluarga? Mengapa mereka tidak kembali untuk berterima kasih kepada Yesus?

Sekarang mari kita fikirkan tentang sikap kita.

Anak-anak mungkin tidak pernah mengalami penyakit seperti kusta, tetapi Tuhan tetap melakukan perkara-perkara yang menakjubkan untuk anda.

Dia mencipta kita dan memberikan kita segala yang kita perlukan untuk hidup.

Dia memberikan kita sahabat dan keluarga.

Adakah anak-anak sudah mengucapkan 'Terima kasih' kepada Tuhan? Jika belum, mari kita ungkapkan rasa terima kasih kita dalam doa dan perbuatan baik.

Salam Sayang  
Antie Melly

Apakah yang dikatakan oleh Yesus kepada orang Samaria yang sembuh daripada penyakit kulit? Tuliskan jawapan anda di bawah.



.....  
.....  
(Lukas 17:19)



# BELIA

**M**ELAKA: Pada 22 September hingga 26 lalu, *Malaysia Catholic Youth Ministers' Committee* (MCYMC) telah mengadakan retret dan mesyuarat tahunan di *Good Shepherd Seminary (GSS), Melaka*.

Seramai 28 orang pemimpin belia dari setiap keuskupan di Malaysia yang terdiri daripada uskup, para paderi, religius dan awam telah menghadiri pertemuan ini.

Turut hadir ialah Uskup Agung Simon Poh dari Keuskupan Agung Kuching, Sarawak yang merupakan Uskup pendamping bagi Komisi Episkopal Belia di Malaysia dan Uskup Bernard Paul selaku Uskup Keuskupan Melaka-Johor.

Pertemuan kali ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu retret, mesyuarat dan ziarah.

Hari pertama dimulakan dengan Misa Kudus yang dirayakan oleh Uskup Bernard Paul disusuli makan malam bersama, sesi *ice-breaking* dan taklimat program.

Hari kedua dimulakan dengan doa pagi dan seterusnya para pem-

## PERTEMUAN TAHUNAN MCYMC GABUNG ZIARAH DAN RETRET



impin belia memasuki suasana retret yang dikendalikan oleh Uskup Bernard Paul.

Dalam retret ini, terdapat tiga sesi iaitu '4E' iaitu *Encountered, Enlightened, Empowered* dan *Evangelising; 'What makes us happy?'* (Apa yang membuatkan kita gembira?) dan *'Understanding humanities, Diocese*

*and Church'* (memahami kemanusiaan, keuskupan dan Gereja).

Dalam retret ini, turut diadakan perkongsian dalam kumpulan dan renungan peribadi. Ia diteruskan dalam sesi 'peneguhan bertajuk *'Listening & Discerning as young disciples of the Lord'* yang disampaikan oleh Uskup Agung Simon Poh. Retret diakhiri dengan Misa Kudus yang dipimpin oleh Uskup Bernard Paul.

Hari ketiga merupakan mesyuarat agung MCYMC. Pelbagai agenda dibincangkan berkaitan hala tuju dan program belia Katolik di Malaysia dan antarabangsa.

Salah satu agenda utama ialah pembubaran *National Coordinating Office (NCO)* penggal 2022-2025 dan pemilihan NCO yang baharu bagi sesi 2025-2027.

Selepas mesyuarat, para delegasi bergerak ke Bukit St Paul, untuk menyertai Misa Kudus sempena

memperingati 480 tahun ketibaan Santo Francis Xavier di Melaka dan merayakan ulang tahun ke-180 berdirinya Gereja St Francis Xavier di Melaka.

*St Paul's Hill* merupakan tempat kesukaan Santo Francis Xavier semasa berada di Melaka untuk berdoa dan bermeditasi. Setelah beliau meninggal dunia, jasadnya sempat dikuburkan di gereja ini selama enam bulan sebelum dibawa ke Goa, India.

Selesai Misa Kudus, para delegasi beralih ke *Portugese Settlement* untuk makan malam dan bertemu dengan para komuniti Portugis di sana.

Pada hari keempat, para delegasi melakukan ziarah di beberapa tempat bersejarah di Melaka.

Ziarah pertama ialah Gereja St Mary, Ayer Salak. Disini, diadakan Misa Kudus yang dipimpin oleh Uskup Agung Simon Poh.

Seterusnya, para delegasi melawat di Pusat Latihan Monfort di mana para pemimpin belia mendengar taklimat yang disampaikan oleh Brother Joseph, salah seorang kakitangan di pusat tersebut.

Destinasi ziarah seterusnya ialah Gereja Santa Crus, Malim Hill, dan Gereja tertua di Malaysia iaitu Gereja St Peter.

Pada hari terakhir, para pemimpin belia merayakan Misa Kudus dan Pengutusan yang dipimpin Meskipun mesyuarat MCYMC ini berlangsung setahun sekali ini telah membawa harapan tetapi ia telah membawa sukacita serta mengeratkan persaudaraan antara mereka.

Mesyuarat tahunan MCYMC akan berlangsung pada tahun hadapan di Keuskupan Agung Kuching, Sarawak. **Roney A. Eming**



## Belia pelbagai agama berikrar jadikan daerah sebagai kota keharmonian dan keamanan

SEMARANG: Belia Katolik di Semarang berganding bahu dengan belia dari pelbagai agama demi mempromosi bahawa perbezaan agama bukanlah kelemahan tetapi sumber kekuatan untuk masa depan Indonesia.

Pemuda Katolik Cawangan Kota Semarang mengambil bahagian dalam Projek Keamanan yang dianjurkan oleh *Global Peace Youth Indonesia (GPYI)* di Kuil Hoo Hok Bio.

Acara antara agama yang bertemakan "Satu Keluarga Manusia" itu mengumpulkan 30 peserta yang hadir merupakan penganut Islam, Protestan, Katolik, Hindu, Buddha, dan peribumi

Medafa Arung Palaga, pengerusi cawangan Belia Katolik Semarang, berkata inisiatif seperti ini menghidupkan moto kebangsaan negara,

*Bhinneka Tunggal Ika* (Perpaduan dalam Keplbagaian).

Di tengah-tengah cabaran hari ini, aktiviti seperti ini adalah oasis yang menyegarkan dan mengukuhkan semangat perpaduan dalam Keplbagaian. "Ia juga merupakan tempat pembelajaran bagi belia pelbagai agama untuk menghormati dan menghargai perbezaan," katanya.

Pengerusi GPYI Semarang, Chaerina Pangestika menekankan bahawa rasa hormat-menghormati kekal penting ketika bandar itu bergelut dengan sikap tidak bertoleransi.

"Menghadapi sikap tidak bertoleransi, kami percaya bahawa saling menghormati adalah kunci untuk membina masa depan yang aman dan adil, terutamanya di Semarang," katanya.

Program itu dimulakan dengan ucapan daripada Andy, Sami di Kuil Hoo Hok Bio, yang mengingatkan peserta bahawa kuil bukan sahaja tempat ibadat tetapi juga "ruang dialog dan persaudaraan."

Para belia seterusnya menyertai lawatan budaya ke kuil, mempelajari tentang seni bina dan simbol Konfusianisme, sebelum mengambil bahagian dalam aktiviti berpasukan di Pasar Gang Baru untuk mengeratkan hubungan.

Perhimpunan itu berakhir dengan dialog apabila mereka berikrar untuk membantu menjadikan Semarang sebuah bandar yang terkenal dengan keharmonian, keamanan, dan toleransi — model bagi wilayah lain di Indonesia. **LiCAS News**



## Berita singkat antarabangsa

### Berdoa untuk keamanan sepanjang bulan Oktober

VATIKAN: Sepanjang bulan Oktober ini, Sri Paus Leo XIV menggesa umat beriman di seluruh dunia untuk berdoa rosari.

“Saya menjemput anda untuk mendoakan rosari setiap hari untuk keamanan di dunia kita,” kata Sri Paus Leo semasa memimpin Audiens Umum, Oktober 1.

Bapa Suci Leo berkata demikian kepada pelbagai kumpulan bahasa yang hadir.

Di tengah-tengah konflik dan peperangan di seluruh dunia, Sri Paus Leo menggesa umat ber-

iman untuk mempromosikan keamanan dalam kehidupan seharian mereka.

“Semoga kamu menjadi instrumen perdamaian yang setia dalam kehidupan seharian kamu,” katanya.

Dengan sentimen yang sama, prelatus itu juga berpesan kepada umat berbahasa Arab yang hadir bahawa orang Kristian dipanggil untuk menjadi saksi bahawa kasih sayang dan pengampunan adalah lebih besar daripada setiap luka dan lebih kuat daripada setiap ketidakadilan. Media Vatikan

### Ulang Tahun ke-400 kedatangan Khabar Gembira di Shaanxi, China

SANYUAN, Shaanxi: Umat Katolik di sebuah keuskupan di wilayah Shaanxi, China menyertai pertandingan kaligrafi dan lukisan untuk memperingati ulang tahun ke-400 kedatangan agama Katolik di rantau itu.

Keuskupan Sanyuan di Shaanxi, merayakan ulang tahun ke-400 Katolik di Shaanxi dengan pameran kaligrafi dan lukisan khas di katedral pada September 26, lapor Radio *Veritas Asia*.

Acara yang bertemakan “Dakwat dan Berus untuk Memuji Era yang Makmur, Warna untuk Memuliakan China” itu mengumpulkan pegawai kerajaan, artis, dan wakil Gereja dalam semangat perpaduan budaya dan rohani, menurut laporan tersebut.

Acara itu telah diadakan lima

hari sebelum Hari Kebangsaan China pada Oktober 1, yang merayakan proklamasi rasmi Mao Zedong mengenai penubuhan Republik Rakyat China pada Oktober 1, 1949.

Uskup Han Yingjin membuka perayaan dengan doa untuk keamanan dunia, kemakmuran negara, dan kesejahteraan semua orang.

Momen penting acara itu ialah perasmian patung dan monumen untuk Wang Zheng, saintis pertanian Dinasti Ming yang pertama memperkenalkan Katolik kepada umat di Shaanxi.

Dalam beberapa tahun ini Keuskupan Sanyuan telah menyelenggarakan sepuluh acara serupa, menggunakan kaligrafi dan seni tradisional sebagai sarana untuk menanamkan patriotisme dan iman. ucanews

### Misa pertama peringatan hubungan diplomatik Indonesia-Vatikan di Basilika Sto Petrus

VATIKAN: Setiausaha Negara Vatikan, Kardinal Pietro Parolin menjadi selebran utama, bersama 50 orang paderi, dalam Misa Syukur peringatan 75 tahun Hubungan Diplomatik Indonesia – Takhta Suci, di Basilika Sto Petrus, Vatikan, September 30 lalu.

Ini kali pertama, Misa untuk memperingati hubungan diplomatik dua negara diadakan di Basilika Sto Petrus.

Lebih 300 umat terdiri daripada anggota diplomatik, duta dari negara-negara lain, religius dan rakyat Indonesia yang tinggal di Roma.

Kardinal Parolin dalam homilinya antara lain memuji Indonesia yang memiliki ideologi Pancasila dan semboyan *Bhinneka Tunggal Ika*.

Kardinal Parolin turut mengenang kunjungan apostolik mendiang Sri Paus Fransiskus ke Indonesia pada bulan September tahun lalu.

Katanya, Bapa Suci Fransiskus kagum dengan semangat Pancasila dan *Bhinneka Tunggal Ika* Indonesia yang sangat dekat dengan ciri-ciri Kristian iaitu kebaikan hati, berpihak kepada kehidupan dan prinsip kesejahteraan umum. ucanews

### Rasuah lebih menakutkan berbanding bencana alam

MANILA: Seorang pemimpin Ge-reja terkemuka di Filipina telah memberi amaran bahawa rasuah dan penyelewengan adalah lebih berat berbanding bencana alam.

Akibat rasuah, ia telah melambatkan kerja-kerja awam khususnya ketika negara itu hampir ranap akibat gempa bumi berukuran 6.9 magnitud yang melanda Cebu pada September 30.

Kardinal Pablo Virgilio David dari Kalookan berkata tragedi itu juga harus dilihat sebagai akibat

daripada rasuah sistemik.

“Kami bersedih atas mereka yang terkorban di Cebu. Tetapi kita juga mesti bersedih atas rantaian rasuah yang keji sehingga membawa kepada kematian para mangsa bencana,” kata Kardinal Pablo.

Kardinal itu kesal kerana sebahagian besar bajet infrastruktur telah diseleweng menyebabkan struktur yang lemah tidak dapat menahan getaran gempa bumi dan bencana alam. LICAS News

# Vatikan umum tema Hari Komunikasi Sedunia ke-60

VATIKAN: Sri Paus Leo XIV telah memilih “Memelihara suara dan wajah manusia” sebagai tema untuk Hari Komunikasi Sosial Sedunia ke-60, yang akan diadakan pada Mei 17, 2026.

Dalam satu kenyataan yang mengumumkan tema tersebut, Dikasteri Komunikasi menyatakan bahawa “Dalam ekosistem komunikasi hari ini, teknologi mempengaruhi interaksi lebih daripada sebelumnya – daripada algoritma yang menyusun suapan berita kepada Kecerdasan Buatan (AI) yang mengarang keseluruhan teks dan perbualan.”

Mengakui bahawa kemajuan dalam teknologi menawarkan “kemungkinan yang tidak dapat dibayangkan hanya beberapa tahun lalu.”

Dikasteri itu memberi amaran bahawa alat sedemikian “tidak boleh menggantikan keupayaan manusia yang unik untuk empati, etika, dan tanggungjawab moral.”

Komunikasi awam, “memerlukan pertimbangan manusia, bukan sekadar corak data.” Oleh itu, cabaran adalah untuk memastikan bahawa kemanusiaan kekal sebagai agen panduan.

Masa depan komunikasi mestilah di mana mesin berfungsi sebagai alat yang menghubungkan dan memudahkan kehidupan manusia, bukannya mengikis suara manusia.”

### Kebimbangan terhadap risiko yang berkaitan dengan AI

Risiko sebenar yang berkaitan dengan teknologi moden misalnya AI boleh menjana maklumat yang menarik tetapi mengelirukan, memanipulasi dan berbahaya; meniru



malah boleh mencerooboh privasi orang tanpa kebenaran mereka.

Dikasteri Komunikasi memberi peringatan bahawa “kebergantungan berlebihan pada AI melemahkan pemikiran kritis dan kemahiran kreatif, manakala kawalan monopoli terhadap sistem ini menimbulkan kebimbangan tentang pemusatan kuasa dan ketidakadilan.”

Kebimbangan tersebut menekankan keperluan mendesak untuk memperkenalkan “Celik Media” atau “Celik Media dan Kecerdasan Buatan (MAIL)” ke dalam sistem pendidikan formal, kata kenyataan itu.

Dikasteri itu merumuskan bahawa “sebagai Katolik, kita boleh dan harus memberikan sumbangan kita, supaya orang ramai – terutamanya belia – memperoleh keupayaan pemikiran kritis, dan berkembang dalam kebebasan roh.”

Sri Paus Leo telah berulang kali menekankan kepentingan bagi Gereja untuk menghadapi cabaran yang ditimbulkan oleh kecerdasan buatan dan perkembangan teknologi baharu.

Dalam pertemuannya dengan

kardinal beberapa hari selepas pemilihannya pada Mei 8, Sri Paus menjelaskan bahawa pilihan nama kepausannya diilhamkan oleh Leo XIII, dalam ensiklik bersejarah *Rerum Novarum*, menangani persoalan sosial dalam konteks revolusi perindustrian pertama yang hebat.

“Pada zaman kita sendiri, Gereja menawarkan kepada semua khazanah ajaran sosialnya sebagai tindak balas kepada satu lagi revolusi perindustrian dan kepada perkembangan dalam bidang kecerdasan buatan yang menimbulkan cabaran baharu bagi pembelaan maruah manusia, keadilan dan buruh.”

Kemudian, dalam mesej kepada peserta Persidangan Tahunan Kedua mengenai Kecerdasan Buatan, Etika dan Tadbir Urus Perniagaan, Sri Paus Leo menekankan bahawa “manfaat atau risiko AI mesti dinilai dengan tepat mengikut kriteria etika tertinggi.”

Tegasnya, “melindungi maruah setiap individu manusia yang tidak boleh diganggu dan menghormati kekayaan budaya, rohani serta kepelbagaian rakyat di seluruh dunia.” **Media Vatikan**

## Tuhan akan bertanya kepada kita jika kita telah menjaga rumah kita bersama

ROMA: Pada petang Oktober 1, semasa merayakan ulang tahun kesepuluh ensiklik Sri Paus Fransiskus, *Laudato Si'*, Bapa Suci Leo XIV menyampaikan ucapan kepada peserta Persidangan Meningkatkan Harapan, yang dianjurkan oleh Pergerakan *Laudato Si'*.

Dalam ucapan beliau, Sri Paus Leo menyatakan kesyukuran atas legasi ensiklik mendiang Sri Paus Fransiskus, menyatakan bagaimana ensiklik itu telah memberi inspirasi kepada sekolah, keuskupan, program akademik dan dialog antarabangsa.

“Impaknya, telah meluas ke sidang kemuncak, inisiatif antara agama, kalangan ekonomi dan perniagaan, serta kajian teologi dan bioetika.” Di atas segalanya, frasa “menjaga rumah bersama kita telah menjadi frasa standard, digunakan dalam kerja akademik dan wacana awam merentasi pelbagai bangsa dan benua, kata Sri Paus Leo.

### Pertaubatan hati

Sambil mengimbuai pencapaian dekad lalu, Sri Paus Leo menekankan



ditemui, dan tempat keputusan ditempa. Hanya dengan kembali kepada hati, pertaubatan ekologi yang sejati boleh berlaku.”

Transformasi ini, bermakna beralih “daripada mengumpul data kepada mengambil berat; daripada wacana alam sekitar kepada gaya hidup yang diilhamkan oleh iman dan cinta kepada Tuhan.”

### Semua adalah satu

Memetik huraian Sri Paus Fransiskus tentang Santo Fransiskus dari Assisi, Bapa Suci mengingatkan para peserta bahawa keprihatinan ekologi, keadilan untuk golongan miskin, komitmen sosial, dan kedamaian — tidak dapat dipisahkan.

Menjelang sidang kemuncak global yang akan datang, termasuk COP30 dan Persidangan Air PBB 2026, Paus menggesa para pemimpin untuk mendengar jeritan “Bumi dan orang miskin, keluarga, masyarakat adat, pelarian, migran serta umat beriman di seluruh dunia.” **Media Vatikan**

PENULIS BERKICAU

## Suara yang berteriak di padang gurun

Dahulu, semasa usia masih kanak-kanak, ketika golongan lebih tua berbincang mengenai politik, mereka suka 'mengusir' kanak-kanak daripada mendengar. Alasan mereka, "Kamu tidak perlu dengar. Ini perbincangan orang-orang dewasa!"

Kini, dalam era teknologi baharu, pelbagai maklumat tentang politik, begitu mudah disebarkan. Peribadi yang baik boleh dicela dan difitnah. Peribadi yang kurang baik pula boleh diuar-uarkan sebagai pembela kaum miskin. Jika tidak ada didikan awal, dunia politik yang aman boleh menjadi huru-hara.

Seorang religius pernah mengatakan kepada saya, "Agama tidak boleh dibawa dalam politik. Agama untuk memperkuat iman dalam berpolitik. Apa yang ahli politik kita buat sehari-hari, Tuhan melihat dan tidak tertidur!"

Kata-kata, "Agama untuk memperkuat iman dalam berpolitik" mengingatkan saya tentang misi Gereja dan umat Kristian untuk berbicara tentang Tuhan dan memberikan kesaksian tentang Dia kepada lelaki dan wanita pada zaman ini.

Berdasarkan pembaptisan, kita semua dipanggil "untuk menjadi kehadiran yang hidup dalam masyarakat, dan mengilhami masyarakat dengan Injil dan Roh Kudus."

Ini juga mengingatkan saya tentang Santa Katarina dari Siena yang hidup lebih 600 tahun lalu. Beliau hidup dalam zaman politik yang memecah belah dan berbahaya.

Seorang religius wanita begitu berani mendorong agar orang-orang yang berperang segera mengakhiri damai. Dia dikenali sebagai pembela kebenaran, sebuah "suara yang berteriak di padang gurun."

Usahnya untuk berbicara tentang kebenaran dan menyebarkan pesan Kristus membuatkan dia terkenal tetapi hal itu juga menyebabkan Sta Katarina sering dilanda fitnah serta tentangan.

Mendiang Sri Paus Fransiskus pernah mengingatkan kita tentang perbuatan-perbuatan jahat yang dapat mengganggu politik iaitu korupsi, penyelewengan, xenofobia, rasisme, kurangnya perhatian terhadap alam ciptaan dan penghinaan terhadap migran serta pelarian.

Sri Paus mendorong politik untuk "meningkatkan bakat-bakat orang muda dan aspirasi-aspirasi mereka" bagi meningkatkan perdamaian, dengan mengatakan bahawa "Setiap orang dapat menyumbang bagi membantu pembangunan dan keamanan di dunia."

Saya berharap, semakin ramai pengengaruh dan misionari digital yang dapat mengajak kaum muda untuk menjadi agen-agen damai melalui kepintaran serta kepantasan media sosial.

Kita mengadakan banyak perhimpunan di peringkat paroki dan keuskupan tetapi hal politik seakan-akan tabu. Jadi jika ada ketidakadilan, siapakah yang akan bersuara?

Politik itu menjadi 'kotor' jika kita, garam dan terang dunia turut mendiamkan diri. Tetapi saya yakin, jika kita saling menyokong, berpegang kepada iman dan kebenaran, kita pasti dapat bersama-sama membangun bangsa dan negara ke arah kesejahteraan bersama.

**MARI dan jadilah komuniti pemberita HERALD.**  
Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel, pendapat dan perkongsian anda.

Kami mengalu-alukan artikel dalam 400-500 patah perkataan, gambar high-resolution (300 DPI) dalam format JPG atau PNG serta berkapsyen.

Anda boleh menghantar artikel kepada [liza@herald.com.my](mailto:liza@herald.com.my)

atau  
WhatsApp: 011-26391498



## Pada saat kita gagal, Tuhan tidak berputus asa dengan kita

VATIKAN: Kebangkitan Kristus adalah sumber harapan kita, kata Sri Paus Leo XIV semasa Audiens Umum mingguan pada pagi Oktober 1, sambil meneruskan siri katekesisnya mengenai Yesus Kristus Harapan Kita.

Bapa Suci memulakan ucapannya dengan mengingatkan bahawa pusat iman dan jantung harapan kita berakar umbi kukuh dalam Kebangkitan Kristus.

Apabila kita membaca Injil dengan teliti, kita menyedari bahawa misteri ini bukan sahaja mengejutkan kerana seorang lelaki – Anak Tuhan – bangkit daripada kematian, tetapi juga kerana cara Dia memutuskan untuk melakukan pengorbanan itu.

"Sesungguhnya, Kebangkitan Yesus bukanlah pembalasan atau dendam terhadap musuh-musuhnya," renung Sri Paus. Sebaliknya, "Ia adalah bukti yang indah tentang bagaimana cinta mampu bangkit semula selepas perjalanan besar untuk meneruskan perjalanan-Nya yang tidak dapat dihentikan."

### Mentaliti kita berbeza daripada mentaliti Tuhan

Sri Paus menunjukkan bagaimana mentaliti dan reaksi kita cenderung berbeza jauh daripada Kristus.

"Apabila kita bangun semula selepas trauma yang disebabkan oleh orang lain, selalunya reaksi pertama ialah kemarahan, keinginan untuk membuat seseorang membayar atas apa yang telah kita alami," tetapi "Yesus yang telah Bangkit, bangun dari dunia bawah kematian dan tidak membalas dendam. Dia tidak kembali dengan isyarat kuasa sebaliknya dengan kelembutan, Dia menzahirkan kegembiraan cinta yang lebih besar daripada sebarang luka dan lebih kuat bukan pengkhianatan".

### Tidak lagi lumpuh

Selain itu, Sri Paus Leo menekankan bahawa Yesus tidak merasakan sebarang keperluan untuk mengulangi atau mengesahkan keunggulan-Nya sendiri, tetapi muncul kepada rakan-rakan-Nya dan "melakukannya dengan kebijaksanaan tanpa memaksa keupayaan mereka untuk menerima. Dia hanya dengan ingin kembali bersatu dengan mereka, membantu mereka mengatasi rasa bersalah."

Malah, semasa di Bilik Atas, Yesus "masuk ke dalam bilik tertutup mereka yang lumpuh oleh ketakutan, membawa mereka hadiah yang tidak pernah berani diharap oleh sesiapa pun: kedamaian."

### Salam sejahtera ke atas kamu.

Salam Tuhan 'Sejahtera ke atasmu!', yang lancar dan jelas, "begitu indah sehingga hampir membingungkan apabila Yesus menunjukkan tangan dan sisi-Nya kepada murid-murid, yang membawa tanda-tanda Sengsara".

Paus menyatakan bahawa tiada sedikit pun rasa tidak puas hati kerana Yesus kini telah berdamai sepenuhnya dengan segala yang telah dialami-Nya.

Tuhan, dalam menunjukkan luka-Nya, jelas Paus Leo, tidak berbuat demikian untuk mencela, tetapi untuk mengesahkan cinta yang lebih kuat daripada sebarang ketidaksetiaan, dan mereka adalah saksi bahawa meskipun pada saat kegagalan kita, Tuhan tidak berundur. Tuhan tidak berputus asa dengan kita.

Apabila seseorang mengkhianati kita, kita mungkin mahu membalas dendam dan menyimpan kemarahan. Namun, ini bukan cara Yesus beroperasi atau berfikir, kerana Tuhan "menawarkan luka-Nya sebagai jaminan pengampunan" dan "menunjukkan bahawa Kebangkitan-Nya bukanlah menghapuskan masa lalu, tetapi mengubahnya menjadi harapan belas kasihan." **Media Vatikan**

### Jus rohani untuk jiwa

## Lakukan ini tanpa menatap H/P

Orang manusia sebenarnya mempunyai keperluan untuk berasa bosan. Kita perlu membiarkan minda kita mengembara. Mungkin kita lebih suka menatap telefon pintar kita. Tetapi ia boleh membuatkan kita ketagih. Ramai yang sebenarnya sedar bahawa masa menatap telefon pintar, telah mencuri masa rehat kita dengan keluarga.

Selalunya kita berjanji untuk berubah tetapi tidak pernah melakukannya.

Apa kata, kita 'menyimpan' dahulu telefon pintar kita untuk satu atau dua jam untuk melakukan retret singkat ini yang boleh kita lakukan semasa berjalan, semasa duduk di ruang tamu dan sebagainya:

Semasa berjalan, fikirkan:

- ☞ Bau hujan yang mengingatkan anda kepada zaman kanak-kanak anda.
- ☞ Kenangan berjalan pertama kali dengan pasangan anda.
- ☞ Kenangan jalan terakhir anda bersama orang yang anda sayangi tetapi telah pulang ke rumah Bapa.
- ☞ Menyedari siapa jiran anda.
- ☞ Menulis cerita dalam kepala

yang mungkin tidak akan pernah anda tulis.

### Di ruang tamu:

- Sofa mana kegemaran anda, di mana anda berasa selasa dan duduk dengan lama?
- Fikirkan betapa sukarnya hidup anda tanpa keluarga anda.
- Berangan-angan untuk berani melawan pembuli.
- Mengingati semula lagu-lagu kegemaran ketika remaja.
- Memikirkan hadiah terbaik untuk dibeli buat anak-anak atau pasangan.

### Semasa menunggu kenderaan awam:

- Perhatikan cara orang berinteraksi untuk belajar bagaimana anda boleh memperbaiki interaksi anda sendiri.
- Fikirkan perkara yang boleh anda lakukan dalam minggu yang akan datang untuk anak-anak anda.
- Mendoakan orang-orang yang sedang mengalami masa sukar
- Bersyukur atas perkara baik yang berlaku kepada orang lain.
- Ceritakan jenaka kepada keluarga anda, jenaka yang telah lama anda simpan dan tidak pernah beritahu sebelum ini.

### Ketika berdiri di balkoni rumah:

- Melihat awan di langit dan menyedari keindahan yang Tuhan bina ke dalam dunia.
- Memikirkan cara adik-beradik anda boleh bergaul dengan lebih baik, dan bagaimana anda boleh membantu perkara itu berlaku.
- Membuat rancangan atau aktiviti untuk dilakukan bersama keluarga atau rakan-rakan. **Aleteia**



## Retret Agung para klerus: Hidup selibat yang sukacita dan berbuah

PULAU PINANG: Para paderi dari Keuskupan Agung Kuala Lumpur dan Keuskupan Melaka Johor berkumpul untuk retret tahunan di Rumah Retret Stella Maris baru-baru ini yang dipimpin oleh Uskup Agung Socrates Villegas dari Filipina.

Selama enam hari, para klerus merenung secara mendalam tentang pembaharuan panggilan mereka, seruan untuk hidup selibat dengan ketaatan dan tuntutan kesetiaan pastoral.

Retret tersebut menggabungkan renungan kitab suci, pembentukan praktikal, khutbah Misa harian, dan waktu doa yang panjang, mengajak para paderi menyerah semula kepada Kristus di samping menyegarkan komitmen mendalam dalam pelayanan untuk Gereja.

Ia dimulakan dengan soalan-soalan untuk renungan peribadi seperti: "Apakah yang membuat anda gembira? Apa yang membuat anda takut? Bagaimana anda mengendalikannya?"

Para paderi dicabar untuk menemui semula kegembiraan mereka, menghadapi ketakutan dan melihat kembali visi untuk misi.

Jemputan itu jelas: "Anda akan diberi kuasa untuk berlari dalam Kitab Suci dan Pembentukan: Uskup Agung Socrates mengambil

inspirasi kehidupan daripada Daud, Samuel, Batsyeba, dan Natan, mengenai panggilan mereka, keterbukaan mereka terhadap kekudusan dan bahaya kesombongan serta godaan".

Prelatus itu menjemput para paderi mengenal pasti adakah sikap "Samuel, Batsyeba, dan Natan" wujud dalam kehidupan mereka sendiri?

Menggunakan kisah kebangkitan Lazarus (Yohanes 11), para paderi digesa untuk menghadapi "kegelapan kerana mahukan kesejahteraan", dosa dan tabiat yang mengikat mereka.

Para paderi digesa untuk "keluar" dari makam peribadi, melepaskan diri mereka daripada jerat kegelapan melalui pertaubatan dan sokongan persaudaraan — satu tindakan belas kasihan yang memulihkan diri daripada keterikatan dengan duniawi.

### **Selibat dan Kehidupan Peribadi**

Penekanan khusus tentang rahmat dan cabaran kehidupan selibat. Uskup Agung Socrates menggambarkan selibat sebagai komitmen yang kontemplatif dan penuh kasih kepada Kristus, dan beliau mengagui bahawa ia kekal sebagai salah satu luka dalam imamat.

Walaupun menghadapi cabaran,




para paderi diingatkan bahawa kasih Kristus terhadap mereka tidak pernah goyah. Mereka digalakkan untuk berakar umbi dalam Ekaristi harian, doa peribadi (termasuk Ibadat Harian, Rosari, dan Angelus), pengakuan bulanan, dan sentiasa memupuk keakraban yang erat dengan Tuhan.

### **Adakah antidot untuk kesunyian?**

Pujian, Ketabahan, dan Pemurnian: Melalui Kitab Suci — dari mazmur Daud hingga keberanian tiga pemuda dalam relau, dan ketabahan para rasul — serta pandangan penulis rohani seperti Sta Teresa dari Yesus, Sto Yohanes dari Salib dan Bapa-bapa Gereja, peserta diingatkan bahawa pujian adalah senjata rohani melawan kesunyian.

Penyucian, meskipun mencabar namun ia merupakan karya Tu-



han yang berterusan dan lembut, membentuk jiwa seorang paderi menjadi lebih setia dan bebas memuja Kristus.

Retret itu diakhiri dengan seruan untuk menyangkal diri sendiri agar kehidupan Kristus dapat berkembang dengan

lebih sempurna dalam diri mereka. Pembaharuan janji imamat, penerimaan lilin yang melambangkan "Cahaya Kristus" untuk dibawa ke dunia, dan berkat Sakramen Maha Kudus — merupakan upacara-upacara penutup retret penuh rahmat itu.

## Prihatin keperluan rohani migran, St Patrick Membakut tubuhkan Komuniti Timorese Katolik

MEMBAKUT: Paderi paroki St Patrick, Membakut telah mengadakan pertemuan khas dengan para pekerja migran pada September 23 lalu di Rumah Pekerja Borneo Samudera Mawao untuk membentuk Komuniti Migran Timorese Paroki St Patrick.

Pertemuan ini turut dihadiri oleh ahli-ahli Caritas

paroki, serta wakil keluarga umat migran dari Indonesia. Kehadiran umat migran dalam pertemuan tersebut amat memuaskan, menunjukkan komitmen dan keinginan mereka untuk menyokong satu sama lain serta berintegrasi dengan komuniti paroki. Penubuhan komuniti ini bertujuan untuk merapatkan hubun-

gan antara umat dengan Gereja serta memberikan sokongan kepada umat migran dalam menghadapi cabaran seharian.

Inisiatif ini diharapkan dapat meningkatkan pemahaman dan kesedaran tentang keperluan serta isu yang dihadapi oleh umat migran.

Dalam ucapan ringkas Pengerusi Caritas St Patrick Membakut, Sdri Patricia Bai menyampaikan penerangan tentang tujuan serta fungsi utama penubuhan komuniti migran Timorese paroki iaitu untuk menyatukan semua umat migran Timorese di paroki St Patrick Membakut agar mereka lebih berpeluang melayani seperti umat tempatan, serta mudah menguruskan hal-hal pendidikan iman dan penerimaan sakramen-sakramen.

Pengerusi baharu Komuniti Migran, Yohanes Sokom menyatakan hasratnya agar lebih ramai para migran mendapat pelayanan sakramen dan aktif melayani Gereja.



## Katedral St John tandatangan Ikrar Paroki Ekologi



KUALA LUMPUR: Katedral St John the Evangelist menjadi paroki ke-23 dalam Keuskupan Agung Kuala Lumpur yang menandatangani Ikrar Paroki Ekologi.

Upacara itu berlangsung dalam Misa Kudus yang dipimpin oleh Uskup Agung Julian Leow, dibantu oleh paderi paroki Fr Gerard Theraviam, Fr Andrew Manickam OFM Cap, Penolong Ecclesiastikal untuk Komisi Keadilan Penciptaan Keuskupan Agung, dan seorang uskup pelawat dari Filipina iaitu Uskup Marcelino Antonio "Junie" Malabanan Maralit Jr.

Semasa perarakan masuk, sepuluh orang kanak-kanak Sekolah Minggu membawa poster lukisan tangan yang mengandungi pesan melindungi bumi, menjimatkan air, memastikan lautan bebas daripada pencemaran plastik, menentang plastik guna

tunggal, dan berusaha untuk menjadi paroki hijau.

Uskup Agung Julian menekankan kepentingan tanggungjawab alam sekitar, mengingatkan umat bahawa sumber bumi kita adalah terhad.

Prelatus itu menekankan ancaman mendesak yang dihadapi oleh spesies hidupan liar dan tumbuhan, peningkatan suhu, dan kekurangan air, menggesa semua orang untuk memainkan peranan mereka dalam menjaga satu-satunya rumah kita.

Fr Gerard menekankan komitmen katedral terhadap kemampuan untuk tahun 2025-26, dengan tumpuan kepada pengurangan plastik guna tunggal — cabaran yang ingin ditangani oleh paroki melalui pendidikan dan pembentukan, memupuk perubahan sikap dalam kalangan umat sebagai pengurus alam ciptaan Tuhan.